

20/01/2001

Kekalahan wakil MIC di Lunas masih dibincang

Magendran Rajagopal

PILIHAN raya kecil Lunas, Kedah, sudah lama berlalu, tetapi perkara itu terus mendapat perhatian Malaysia Namban (Namban). Dalam editorialnya, akhbar berkenaan menimbulkan persoalan sama ada perkongsian kuasa dalam Barisan Nasional (BN), terutama bagi MIC, akan tergugat berikutan kekalahan calon parti itu dalam pilihan raya kecil berkenaan.

Sambil mengalu-alukan jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kepentingan MIC tidak akan diabaikan, akhbar itu turut menyuarakan kebimbangan terhadap penguasaan parti minoriti dalam BN pada masa depan.

Penjelasan Dr Mahathir bahawa undi kaum India masih lagi menjadi penentu di sesetengah kawasan memang diakui, tetapi setakat mana kedudukan itu dapat menjamin kerusi MIC masih menjadi persoalan akhbar berkenaan.

Menurut Namban, walaupun masyarakat India secara umumnya setia kepada kerajaan BN sejak merdeka lagi dan bertungkus lumus bersama kaum lain membangunkan negara, balasan untuk pengorbanan itu masih tidak mencukupi.

Mengikut perancangan pembangunan kerajaan BN, masyarakat India kini seharusnya menikmati 10 peratus daripada pencapaian ekonomi negara tetapi statistik membuktikan bahawa penguasaan masyarakat India kurang satu peratus.

Justeru, akhbar itu menggesa pemimpin masyarakat India di semua peringkat, termasuk MIC, mengetengahkan hakikat itu kepada kerajaan dan mengusahakan satu rumusan bagi meningkatkan tahap pencapaian ekonomi kaum India.

Satu lagi isu yang mendapat tempat utama akhbar Tamil tempatan minggu ini ialah berhubung kegunaan tanah seluas dua hektar di bawah pengurusan Persatuan India Dinding (DIA) di Sitiawan, Perak.

Kontroversi berkenaan bermula apabila penduduk setempat mempertikaikan rancangan DIA untuk memajukan pusat komersial membabitkan 19 rumah kedai serta dewan pelbagai guna dan rumah kelab di tanah berkenaan dengan menggunakan wang sumbangan mereka.

Penduduk terbabit berpendapat bahawa jawatankuasa DIA tidak boleh bertindak secara peribadi dalam menguruskan wang terbabit.

Sehubungan itu, penduduk setempat meminta campur tangan MIC menyelesaikan kemelut itu dan Setiausaha MIC negeri, K Munisamy, Naib Presiden MIC, Datuk S Veerasingam serta Ketua MIC Bahagian Lumut, R Krishnan, diberikan tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

(END)